

# Kerajaan negeri wajar ambil alih pembalakan

H.M 3/4/07 M/S 12

>>Oleh Tajuddin Saman  
rencana@hmetro.com.my

**T**EGURAN Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra mengenai kegagalan kerajaan negeri menangani kegiatan pembalakan tidak terkawal sehingga mendedahkan negeri itu kepada ancaman alam sekitar wajar diberi perhatian oleh semua pihak.

Inilah julung-julung kali teguran sedemikian serius dititahkan seorang sultan mengenai kemusnahan alam sekitar berikutan pendedahan media, baru-baru ini mengenai 'kemusnahan' ketara di kawasan hutan Lojing, Kelantan.

Pendedahan itu jelas menunjukkan bagaimana hutan di kawasan berkenaan 'dimusnahkan' secara rakus hingga bukit-bukau menjadi gondol dan tidak mustahil boleh mengundang pelbagai kesan buruk seperti hakisan dan runtuh tanah.

Lebih menyedihkan kejadian yang mengejutkan itu

berlaku pada waktu dunia sedang menghadapi kemelut pemanasan alam yang semakin kritis dan satu daripada puncanya ialah penebangan hutan secara melampau berlebihan.

Perbuatan menebang pokok kayu dan hutan secara melampau ini didorong hawa nafsu kerana mereka ingin mengejar kekayaan material atau duniawi secara pantas.

Dengan lain perkataan, mereka ini mahu cepat kaya atau menjadi 'jutawan segera' tanpa memikirkan kesan baik buruk perbuatan mereka terhadap alam sekitar.

Bagi mereka, perbuatan memusnahkan alam sekitar tidak penting, tetapi apa yang lebih penting ialah mereka boleh hidup mewah.


Bagi golongan ini, soal alam sekitar yang musnah berikutan perbuatan dan kerakusan menebang pokok dan memusnahkan hutan, tidak penting difikirkan kerana tanggungjawab memulihkan kemusnahan itu boleh di-

lakukan orang lain, khususnya kerajaan.


Inilah sikap lazim golongan pencemar alam sekitar. Mereka tidak pernah rasa bersalah di atas perbuatan mereka, tetapi sentiasa meletakkan harapan kepada orang lain untuk memulihkan segala kemusnahan yang mereka lakukan.

Penggondolan kawasan hutan seperti di Lojing boleh menimbulkan pelbagai risiko buruk kepada negara. Sepatutnya golongan pemerintah di Kelantan lebih peka terhadap gejala pemanasan alam yang sedang mengancam dunia dan tidak membenarkan hutan 'dimusnahkan' sedemikian rupa.

Tetapi, realitinya kini menjadi sejarah yang bukan saja 'melukakan' alam sekitar, tetapi ia juga memilukan hati setiap pencinta alam sekitar. Teguran Sultan Kelantan terhadap perbuatan pembalakan secara tidak terkawal di negeri itu seharusnya dijadikan satu titik renungan serius semua pihak.



**PARAH**  
...kemusnahan akibat pembalakan di hutan Lojing mengundang kritikan Sultan Kelantan.



Apa yang disuarakan itu amat penting difikirkan dan langkah susulan ke arah memperbaiki segala kelemahan yang ada perlu dilakukan.

Semua pihak pasti berse-

tuju apabila Sultan Kelantan menegaskan: "Pembalakan yang tidak terkawal menyebabkan Kelantan mengalami hakisan tanah, peningkatan suhu dan banjir besar seperti dihadapi beberapa negeri Di-

keayaan segera itu.

Justeru, apakah langkah yang benar-benar berkesan boleh diambil pihak berkuasa untuk membanteras 'keganasan' terhadap hutan kita itu?

sember lalu dan awal tahun ini."

Umum mengetahui bahawa pembalakan tanpa kawalan seperti yang berlaku di Lojing, hanya akan menghasilkan bencana tetapi anehnya, dalam kesedaran itu, mereka yang terbabit dalam kerja pembalakan berkenaan, terus juga rakus melakukannya.

Justeru, timbul pertanyaan: sampai bila keadaan 'kong-kalikong' seumpama ini akan berterusan? Jika disebut soal pendedahan, rasanya sudah berkali-kali ia dilakukan pihak media. Satu demi satu pendedahan dibuat, tetapi kerakusan menebang hutan terus juga berlaku. Kenapa?

Soalnya ialah kerana golongan yang memikirkan kekayaan material semata-mata tetap akan meneruskan agenda mereka. Mereka yang 'gila' mahu kaya tetap akan terus berbuat demikian dengan pelbagai cara dan hehlah.

Langkah penguatkuasaan sukar mencapai kesan sepenuhnya. Ini kerana jumlah petugas yang terbatas dibandingkan dengan hehlah kalangan yang rakus memburu

Selama ini sudah banyak gagasan dan cadangan dilontarkan oleh pelbagai pihak, tetapi tidak banyak yang boleh disaring dan digunakan.

Namun, saranan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, baru-baru ini agar kerajaan negeri yang mempunyai kuasa terhadap aktiviti pembalakan di negeri masing-masing 'mengambilalih' kerja pembalakan dan melakukannya secara lebih bersistematik mungkin boleh mengubah senario itu.

Sekiranya kerajaan negeri melalui pelbagai agensi yang berkaitan melakukan sendiri kerja pembalakan secara bersistematik dengan memotong pokok yang perlu sahaja, sudah tentu ia akan dapat menyelamatkan keadaan seperti yang pernah berlaku pada masa lalu.

Selain itu, jika melakukan sendiri kerja pembalakan, ia bukan saja dapat meningkatkan hasil pulangan keuntungan kewangan kepada pihak kerajaan sendiri, malah mengelak campur tangan orang tengah yang hanya mementingkan keuntungan.